

30/09/2001

Putrajaya wajar jadi medan puisi

Zainal Rashid Ahmad

PUIISI terutama dalam era selepas merdeka, tiba-tiba saja mendapat tempat dan untuk kali pertama, RTM menyiarkan program baca puisi secara langsung pada 2 September lalu.

Empat hari sebelum itu, Biro Tata Negara, menjadikan acara baca puisi sebagai antara acara peringkat tertinggi apabila menjemput penyair menyuarakan rasa cinta pada tanah air bersama Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri sempena sambutan Bulan Merdeka.

Taman Tasik Putrajaya yang indah dan mengagumkan itu seakan-akan menemui sebahagian daripada roh kewujudannya tatkala puluhan puisi disuarakan dan hampir semuanya bernafaskan rasa cinta pada tanah air.

Suasana taman dengan landskap yang indah dan unik itu seakan-akan menjadi sempurna apabila Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan puluhan penyair muncul bersama ratusan penonton yang kebanyakannya generasi baru hadir bersama.

Terima kasih BTN, kerana usaha membuka lembar baru dalam arena sastera tanah air apabila menjadikan taman yang indah sebagai tempat pertemuan penyair, pemimpin negara dan rakyat untuk sama-sama menghayati dan mencari harga diri bangsa dalam sebuah majlis ilmu yang berteraskan pengucapan seni.

Cuma pada saya, acara itu wajar diteruskan. Putrajaya bukan sekadar Putrajaya, lebih dari itu ia kini menjadi lambang baru kebangkitan bangsa Malaysia. Maka wajarlah, nafas seni mengalir bersama udara Putrajaya dalam usaha membina pentadbiran negara.

Saya meminta jasa baik Ketua Pengarah BTN, Datuk Nordin Kadri agar menyediakan satu sekretariat di peringkat BTN agar acara yang bermakna ini diteruskan secara bulanan.

Memandangkan Putrajaya sebuah pusat pentadbiran kerajaan, alangkah indahnya kalau setiap bulan secara bergilir-gilir sebuah kementerian bersama BTN menjadi tuan rumah.

Barangkali menarik kalau ada acara contohnya, Baca Puisi BTN/Kementerian Kewangan Bersama Datuk A Samad Said atau Baca Puisi BTN/Kementerian Belia dan Sukan Bersama Penyair Angkatan 21 atau mungkin lebih hebat kalau ada acara Baca Puisi Perpaduan BTN/Barisan Nasional Bersama Penyair Tanah Air.

Tentu majlis baca puisi terasa muhibah apabila pemimpin pelbagai bangsa dan penyair pelbagai bangsa muncul bersama mengungkap rasa kasih antara satu sama lain dalam suasana indah dan mewah Taman Tasik Putrajaya.

Sudah sampai masanya semua Menteri dan Kementerian menyumbang sejenak masa dan tenaga untuk sama-sama menyertai misi Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri dalam usaha menjadikan puisi sebagai suara nurani bangsa Malaysia.

Kerajaan negeri pula boleh memainkan peranan menyediakan sejumlah bas untuk membawa warga desa menyertai acara ini. Paling tidak sambil menikmati keindahan Putrajaya di siang hari mereka disajikan pula dengan acara baca puisi di waktu malam.

Putrajaya wajar hidup - hidup dengan jasad kemajuan dan nafas kesenian. Kalau kita mahu melihat Putrajaya menjadi seperti apa yang diungkapkan oleh Dr Mahathir: Dari Robohan Kota Melaka Kita Dirikan Putrajaya.

Nordin sendiri mungkin bersetuju kalau saya katakan, Dr Mahathir dan Pak Lah sendiri malam itu agak terharu apabila hadir di satu majlis yang secara keseluruhannya suara yang berkumandang melahirkan rasa kasih dan cinta pada negara dalam suasana indah Taman Tasik Putrajaya.

( END )